

14 NOV 2002

DR MAHATHIR MENEGASKAN KEPUTUSAN UNTUK UNDUR DIRI

PUTRAJAYA, 14 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menegaskan sekali lagi keputusannya untuk mengundur diri pada Oktober tahun depan tanpa mengira sama ada pilihan raya umum diadakan atau tidak.

Bagaimanapun beliau membayangkan yang beliau lebih suka melepaskan jawatannya sebelum pilihan raya.

"Saya akan mengundurkan diri pada Oktober sama ada pilihan raya umum diadakan atau tidak, tetapi saya lebih suka mengundurkan diri sebelum pilihan raya," kata beliau semasa berdialog dengan 31 anggota Kelab Akhbar Kebangsaan Jepun di sini.

Dr Mahathir berkata beliau akan mengambil bahagian sebagai penyokong parti, bukan sebagai calon, bagi memastikan kemenangan Barisan Nasional.

Perdana Menteri berkata kemudian beliau akan memutuskan apa yang hendak beliau lakukan tetapi yang pastinya beliau akan mempunyai masa untuk menulis.

Kepada pertanyaan peserta majlis itu tentang kemajuan Koridor Raya Multimedia (MSC), beliau berkata projek berkenaan telah mencapai kejayaan yang melebihi sasarannya.

Sasaran awal bagi 2003 ialah untuk mempunyai 500 syarikat, dengan 30 entiti bertaraf dunia, katanya. Bagaimanapun kini MSC sudah menarik 700 syarikat dengan 50 daripadanya adalah firma bertaraf dunia, kata Dr Mahathir.

Beliau berkata lebih banyak syarikat telah menyatakan minat mereka untuk menempatkan operasi masing-masing di kawasan MSC.

-- BERNAMA

ANA LES AHH NMO